

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KEDUA, TAHUN KEEMPAT DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI JUMAAT, 10 DISEMBER 2021

1. **YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (*TEBING TINGGI*)**

Adakah kadar premium tanah pajakan kampung kampung baru dan pemilikan sementara (TOL) telah di semak dan dinaikkan ? Adakah kadar diskaun sebanyak 80% yang diberi sebelum ini masih dikekalkan?

2. **YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (*CANNING*)**

Adakah kerajaan negeri telah merangka pelan pemulihan dan strategi pembangunan pasca COVID19?

- (a) Apakah Pelan Pemulihan usahawan kecil dan sederhana serta penjaja?
- (b) Apakah strategi baru untuk membantu sektor hotel dan pelancongan?

3. **YB. DATO' HJ. SAMSUDIN BIN ABU HASSAN (*AYER KUNING*)**

Negeri Perak terkenal dengan pengeluaran hasil makanan negara. Sejauhmanakah bekalan makanan untuk Negeri Perak mencukupi

4. **YB ENCIK ONG BOON PIOW (*BERCHAM*)**

Isu yang melibatkan JKR

- (a) Sebahagian lampu jalan di Jalan Kuala Kangsar dekat Taman Loke Lim telah tukar lampu LED. Bilakah bahagian lain termasuk DUN BERCHAM seperti di Jalan Tasek akan ditukar?

- (b) Sila terangkan KPI untuk JKR untuk menentangani masalah lampu jalan rosak setelah terima aduan awam?
- (c) Sila jelaskan mengapa banyak lampu jalan bahagian PLUS highway telah rosak di susur keluar dan masuk Bercham tetapi tidak diselenggara?

5. **YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI (MANONG)**

Bagi membantu generasi muda memiliki rumah di kawasan luar bandar, bolehkah kerajaan negeri membuka kawasan penempatan atau rancangan perumahan mampu milik di kawasan tanah-tanah terbiar di dun manong ataupun memberi lot-lot tanah khususnya bagi tanah rizab untuk di majukan

6. **YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)**

Jabatan Alam Sekitar

Sungai Taiping merentasi kilang-kilang yang terletak di belakang dua buah jalan iaitu Jalan Perindustrian Silibin 1 dan Jalan Kilang 3.

Terdapat aduan daripada penduduk bahawa pernah terdapat pembuangan cecair berwarna ke dalam sungai tersebut.

- (a) Apakah SOP, langkah pencegahan dan tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak bagi mengelakkan perkara buruk berlaku yang boleh membawa kemudaratan kepada penduduk sekitar?

7. **YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM (TITI SERONG)**

Tahap pendidikan dalam Negeri Perak serta isu masalah keciciran pembelajaran.

- (a) Nyatakan secara terperinci peratus keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR) yang terkini berdasarkan perbezaan latar belakang pelajar.
- (b) Para pelajar telah menjalani PDPR secara maya selama hampir 8

bulan. Kini, mereka dibenarkan menjalani persekolahan secara normal (bersemuka dan berperingkat). Namun, apakah strategi dan persediaan yang diambil oleh pihak KPM dalam usaha memastikan para pelajar kembali bersemangat untuk memulakan pembelajaran terutamanya buat mereka yang baru sahaja berada di alam persekolahan?

- (c) Mahasiswa dari keluarga kurang berkemampuan terutamanya B40 berdepan dengan masalah kewangan terutamanya semasa pandemik Covid 19. Apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan negeri dalam memastikan golongan ini tidak terpinggir?

8. **YB PUAN NG SHY CHING (TEJA)**

Isu kemiskinan haid di Negeri Perak

- (a) Sila nyatakan data dan statistik yang dikuasai oleh kerajaan negeri berkenaan isu ini.
- (b) Apakah usaha kerajaan negeri dalam mengatasi masalah ini khususnya di kalangan remaja dari keluarga B40 dan juga masyarakat Orang Asli?
- (c) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menyokong gerakan pihak NGO dan aktivis masyarakat yang memperjuangkan isu ini?

9. **YB DR MUHD FADHIL BIN NURUDDIN (KAMUNTING)**

Kerajaan telah menyatakan komitmen memperkukuhkan Agenda Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) di negeri.

- (a) Agensi manakah yang bertanggungjawab memacu inisiatif ini dan bagaimanakah pemantauan dilakukan?
- (b) Apakah peratusan pencapaian terkini inisiatif IR 4.0 bagi negeri Perak berbanding dengan apa yang telah dirancang?
- (c) Apakah usaha dan strategi yang akan diambil untuk pertingkatkan lagi agenda ini?

10. **YB ENCIK LEOW THYE YIH (POKOK ASSAM)**

Pokok Samanea Saman atau pokok hujan-hujan merupakan identiti yang unik kepada Taman Tasik Taiping yang menarik perhatian pelancong dari seluruh negara mahupun warga asing. Sekiranya tiada pokok Samanea Saman ini, Taman Tasik Taiping mungkin tidak akan menjadi satu taman tasik yang terkenal seperti hari ini. Maka pokok Samanea Saman adalah pokok yang penting dan perlu diambil perhatian.

- (a) Adakah peruntukan telah diluluskan untuk pemeliharaan dan pemulihan Pokok Hujan Samanea?
- (b) Apakah rancangan MPT untuk menganti pokok-pokok yang semakin berusia?
- (c) Syarikat SH Eco Landscape yang telah dilantik oleh pihak MPT untuk membuat kajian pokok tersebut dan didapati bahawa akar pokok tersebut patah mungkin berpunca daripada beban pokok yang tidak stabil. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak MPT untuk mencegah pokok tersebut runtuh akibat ketidakstabilan setelah kajian tersebut?

11. **YB ENCIK TAN KAR HING (SIMPANG PULAI)**

Apakah kedudukan guru KAFA yang diumumkan bakal diserap sebagai jawatan tetap dan dibayar elaun setaraf DG29?

12. **YB DATO' HAJI ASMUNI AWI (MANJOI)**

Perancangan Majlis Bandaraya Ipoh untuk Mini Stadium Kampung Sungai Tapah dan Medan Selera Taman Meru.

- (a) Stadium Mini di Kampung Sungai Tapah, Gugusan Manjoi telah terbiar sejak sekian lama, tiada kawalan keselamatan terhadapnya menyebabkan berlakunya vandalisma dan kecurian serta masalah sosial seperti dijadikan tempat membuat maksiat. Adakah pihak MBI mempunyai perancangan untuk membaik pulih atau menukar fungsi status mini stadium ini kepada sesuatu yang lebih sesuai dan memberikan manfaat kepada penduduk di Gugusan Manjoi?
- (b) Medan Selera Taman Meru merupakan satu-satunya medan selera yang terdapat di sekitar Taman Meru meliputi Meru Heights, Meru

Valley, Taman Meru 1A dan Taman Meru 1B yang melibatkan lebih daripada 1,000 buah rumah di dalam kawasan ini. Akhir-akhir ini ramai pengunjung telah mengunjungi medan selera ini. Malangnya medan selera ini telah diabaikan penyelenggaraannya oleh pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sejak sekian lama menyebabkan kerosakan lampu, meja makan, tandas, tempat membasuh tangan dan tiada penyelenggaraan dilakukan termasuk di kawasan permainan kanak-kanak yang berada di medan selera ini. Apakah cadangan pihak MBI untuk membaik pulih dan menaik taraf medan selera ini supaya lebih menarik para pengunjung dan peniaga untuk memenuhi unit/lot yang masih kosong di medan selera ini?

13. **YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)**

1. Apakah isu penyelenggaraan Jalan persekutuan dari Changkat Jering ke Pekan Trong dapat diselesaikan dalam tahun ini?

a) Sekiranya boleh, mohon nyatakan berapa lama jangkamasa yang diperlukan oleh JKR atau pihak konsesi untuk proses membaik pulih atau bina semula?

b) Mengapa baik pulih hanya melibatkan aktiviti korek dan tampal sedangkan jalan tersebut memang sudah rosak teruk?

c) Mengapa peruntukan MARRIS negeri tidak boleh digunakan untuk membaik pulih jalan persekutuan yang sudah semakin teruk?

14. **YB ENCIK MASLIN SHAM BIN RAZMAN (BUKIT CHANDAN)**

Adakah cadangan kerajaan untuk memperuntukan sejumlah peruntukan kewangan yang lebih besar, bagi membolehkan pembinaan Jalan Ladang dengan lebih menyeluruh, untuk memudahkan pengusaha-pengusaha pertanian menguruselia usaha-usaha mereka?

15. **YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN (BUNTONG)**

Masalah Longkang di Kawasan Buntong (Majlis Bandaraya Ipoh).

(a) Sila jelaskan mengapa longkang-longkang yang bermasalah di kawasan Buntong masih belum diselesaikan lagi?

(b) Apakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk menggantikan longkang

saiz kecil kepada longkang saiz besar memandangkan aliran air bertambah sehingga menyebabkan banjir kilat berlaku?

- (c) Jika ada apa-apa perancangan, sila nyatakan bilakah projek ini akan dimulakan?

16. **YB ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM (SINGKAI)**

Tabung Pendidikan murid-murid India Perak.

Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukan RM 1 juta untuk tabung ini.

Soalan.

- (a) Sila senaraikan penerima-penerima yang telah menerima wang daripada tabung ini bagi tahun 2021?

17. **YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM (PENGKALAN HULU)**

- (a) Adakah kerajaan Negeri telahewartakan daerah Hulu Perak sebagai kawasan pelancongan yang diperakui oleh kerajaan persekutuan?
- (b) Sejauh manakah kajian kerajaan Negeri dalam mengenal pasti beberapa kawasan di Pengkalan Hulu yang boleh di majukan untuk menjadi kawasan pelancongan domestik dan antarabangsa yang perlu di bantu oleh kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan tersebut ?
- (c) Jika ada, nyatakan kawasan yang di kenal pasti dan langkah kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan yang telah di kenal pasti sebagai kawasan pelancongan domestik dan antarabangsa ?